

## **BAJI IV**

### **LAPORAN PENYELIDIKAN**

**Bab ini adalah kemuncak kepada bab-bab yang terdahulu. Dalam bab ini akan dibentangkan semua penyelidikan yang telah penulis jalankan. Penapisan data dan analisa data akan penulis kumpul dan dibuat rumusan. Ia adalah seperti berikut:**

#### **MASALAH PERTAMA**

##### **Bagaimana proses pembinaan Masjid Rusila**

###### **1. Sejarah pembinaan dan pengasasnya**

Untuk membincangkan sejarah pembinaan dan pengasas Masjid Rusila secara tepat adalah suatu hal yang agak sukar kerana tidak terdapat maklumat bertulis mengenainya. Menurut Pengurus Masjid, Haji Abdol Hadi bin Haji Awang, pengetahuan mengenai perkara ini hanyalah diketahui melalui cerita lisan orang-orang tua sabuji.

Sejarah pembinaan Masjid Rusila ini bermula selepas beberapa tahun Wilayah Patani jatuh ke tangan tentera-tentera Siam, di mana dalam peristiwa itu orang-orang Islam dibunuh, disiksa dan ada yang ditawan. Keadaan yang buruk-buruk ini lah yang mendorong mereka berhijrah dari Wilayah Patani ke Semenanjung Malaysia dan Terengganu khususnya.

**Telah menjadi amalan bagi orang-orang Islam sejak zaman Rasulullah.**  
perkara pertama yang dilakukan apabila tiba di sesuatu tempat ialah membina masjid. Oleh hal yang demikian, terentak dengan pembukaan Kampung Kundu, ielah dibina sebuah masjid sebagai tempat mereka beribadat. Pembinaan Masjid Rusila yang pertama di tapak sekarang, dibina oleh Penghulu Muda bin Penghulu Chik. Tarikh tetap tentang pembinaannya ini tidak diketahui. Tanya berlaku lebih 100 tahun yang lalu.<sup>1</sup>

**Penduduk di kampung ini pada mulanya membuat penempatan di bahagian barat Kampung Rusila, yang dikenali sebagai Kampung Latta, kemudian berpindah berhampiran dengan pantai demi untuk kemudahan tertentu. Oleh itu, Masjid Rusila yang asal dan yang ada sekarang terletak berhampiran dengan pantai.**

**Sesuai dengan keadaan pada ketika itu, Masjid Rusila dibina berdasarkan kayu. Kayu-kayu untuk pembinaan masjid ini ialah jenis kayu terpilih seperti cengal, mengkawang dan seraya yang ditebang di Bukit Rusila, dan lazamnya ditarik keluar dengan bantuan kerbau ataupun dipikul beramat-ramai. Kayu-kayu ini kemudiannya diproses secara bergotong-royong untuk dijadikan perkakas masjid seperti tiang, dinding, lantai, kuda-kuda dan menara. Selain daripada itu, kayu-kayu daripada perahu jong pun turut dijadikan perkakas**

<sup>1</sup> Temubual dengan Ali bin Mohd, di rumahnya di Kampung Rusila, pada 23 Ogos 1989.

**masjid. Hasil cantuman daripada perkakas-perkakas inilah masjid dibina dan digunakan untuk beberapa lama.<sup>2</sup>**

**Dengan perkembangan ilmu di bidang saintis dan teknologi ia pun turut mempengaruhi bahan binaan masjid, di mana masjid yang ada sekarang dibina berdasarkan semen. Namun begitu, kayu-kayu waqaf orang-orang tua dahulu tidak dibuang dan dengan demikian pembinaan masjid ini sebenarnya adalah merupakan gabungan antara semen dan kayu.<sup>3</sup>**

**Apa yang menarik tentang pembinaan masjid ini ialah bahan-bahan seperti semen, pasir dan besi untuk pembinaannya sebahagiannya adalah merupakan sumbangan derma orang ramai. Bahan-bahan ini biasanya dilantar dengan lorong ke masjid pada waktu malam, tanpa diketahui siapa pendermanya.<sup>4</sup>**

**Pembinaan masjid ini dilakukan secara bergotong-royong oleh orang-orang Rusila sendiri dari awal hingga akhir pembinaannya. Dan hasil ini, hasil gabungan pengalaman dari golongan cerdik pandai yang berpengalaman seperti kontraktor, jurutera dan akitek, masjid ini telah diubahsuai mengikut perkembangan dan keperluan semasa.**

<sup>2</sup> AJK Masjid Rusila, Hj. Awang Abdullah, di rumahnya di Kampung Rusila, pada 1 September 1989.

<sup>3</sup> Temubual dengan Pengetua Masjid Rusila, Hj. Abdul Hadi Tap Awang, di rumahnya di Kampung Rusila, pada 23 Ogos 1989.

<sup>4</sup> Temubual dengan AJK Masjid Rusila, Hj. Muda Abdullah, di rumahnya di Kampung Rhu Muda, pada 1 September 1989.

Dalam hal ini, agensi kerajaan juga tidak keliruggalan menghuburkan sumbangan tenaga kerja seperti Lembaga Elekrik Negara dalam masalah yang berhubung dengan elekrik dan Jabatan Kerja Raya dalam hal-hal ringkas tanah dengan menggunakan memorandum.

## 2. Kedudukan

Masjid Rusila terletak di Kampung Rusila, Marang, Terengganu dan termasuk dalam kawasan Majlis Daerah Marang. Jaraknya dari bandar Kuala Terengganu ialah 13km. Dari segi geografi, masjid ini terletak berhampiran pantai sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah perkampungan nelayan dan diidami oleh 100 peratusnya orang-orang Melayu beragama Islam. Di antara masjid dan kawasan pantai pula, dipisahkan oleh satu laluan utama yang menghubungkan Pantai Timur dan Pantai Barat yang jaraknya dari masjid hanya beberapa meter sahaja.

Di sebelah kanan, lebih kurang 30 meter dari masjid terdapat satu simpang menuju ke kawasan perumahan Medan Jaya dan ibu pejabat Telekom Kawasan Timur. Terletak di sebelah Timur, lebih kurang 400 meter dari masjid pula ialah sebuah bangunan MARA (Majlis Amanah Rakyat) tempat menjual hasil-hasil krafangan, kain-kain batik dan sebagainya.

## 3. Keluasan

5 Temubual dengan Hj. Abdul Hadi Haji Awang

**Keluasan tanah Masjid Rusila pada peringkat awalnya hanyalah seluas tapak masjid sahaja, yang telah diwaqafkan oleh Penghulu Muda bin Penghulu Chik yang merupakan orang yang ber tanggungjawab dalam pembinaan masjid int.<sup>6</sup>**

**Kawasan masjid ini kemudiannya menjadi semakin luas dengan pembesaran yang dilakukan ke atas masjid itu sendiri. Hal ini adalah berujuan untuk menampung ahli jemaah yang semakin bertambah dari semasa ke semasa. Pembesaran masjid kali terakhir melibatkan tanah yang diwaqafkan oleh Hajah Ngah Iaitu ibu kepada Haji Abdul Hadi. Tanah waqafnya itu lebih kurang 1/3 daripada jumlah keseluruhan luas masjid sekarang.<sup>7</sup>**

**Memandangkan masjid mempunyai program jangka panjang di masa akan datang dan perlu kepada kawasan masjid yang lebih luas, maka beberapa tahun yang lalu, pihak masjid telah membelanjakan hampir \$130,000 untuk tujuan tersebut. Dengan pembelian ini menjadikan kawasan masjid sekurang lebih kurang dua setengah ekar. Walau pun tanah tersebut dijual dengan harga yang tinggi, namun pihak masjid tetap membelynanya dengan harapan apa yang dirancangkan akan mencapai kejayaan.<sup>8</sup>**

#### **4. Bentuk**

<sup>6</sup> Tcmubual dengan Hj. Abdul Hadi Haji Awang.

<sup>7</sup> Ibid

<sup>8</sup> Tcmubual dengan AJK Masjid Rusila, Hj. Muda Abdullah.

Sebagaimana dengan sejarah awal masjid ini, gambaran yang tepat mengenai bentuknya juga tidak dapat diberikan kerana tidak ada pihak yang menyimpan maklumat mengenainya. Maklumat yang ada hanyalah berdasarkan kepada cerita-cerita lisan orang-orang tua sahaja.

Menurut salah seorang penduduk asal di kampung ini,<sup>9</sup> bahawa Masjid Rusila yang asal dibina dalam bentuk dua buah rumah kayu yang kemudian dicantumkan menjadi sebuah rumah besar dengan perantaraan atau saluran air. Dilambah dengan satu bangunan rumah kolah di hadapan masjid sebagai tempat berwuduk. Di samping itu sebuah pergi yang besar digali dan digunakan oleh ahli jemaah masjid hingga ke hari ini.

Masjid Rusila telah mengalami beberapa kali perubahan. Antara perubahan-perubahan yang sempat dilingat oleh Pengurus Masjid ialah perubahan yang dibuat pada tahun 1964, 1970 dan 1979. Setiap kali perubahan dibuat, ruang-ruang masjid diperbesarkan untuk menampung bilangan ahli jemaah yang kian bertambah. Seterusnya pada akhir tahun 1983, Masjid Rusila diangkat menjadi dua tingkat seperti mana yang ada sekarang.<sup>10</sup> Di bahagian atas diperbuat daripada kayu manakala di bahagian bawah pun diperbuat daripada sinjen dan batu-bata. Bentuk sekarang semakin luas di bahagian belakang. Pembinaan masjid ini adalah tidak sekata. Hal ini disebabkan oleh kedudukan tanah masjid yang bersempadan dengan tanah milik orang lain.

<sup>9</sup> Beliau ialah Ali bin Mohd.

<sup>10</sup> Temubual dengan Hj. Abdul Hadi Haji Awang.

sebelum tanah itu dibeli dan menjadi milik masjid Masjid ini sekaliung mempunyai lima buah kolam yang besar untuk tempat berwuduk.

## MASALAH KEDUA

### Apakah motif penubuhan Masjid Rusila

Sepertimana masjid-masjid yang lain, motif utama penubuhan Masjid Rusila ialah sebagai tempat ibadat dan mempelajari fardhu Ain. Langkah ini adalah perlu demi untuk menanamkan roh keislaman di jiwa orang-orang kampung dan dalam masa yang sama dapat mengeratkan ukhuwwah Islamiyyah di kalangan mereka. Hubungan yang erat ini tergambar melalui perlaksanaan aktiviti-aktiviti kehidupan sehari-hari mereka, di mana satu mesyuarat atau perbincangan diadakan di masjid sebelum aktiviti-aktiviti tersebut dilaksanakan. Contohnya dalam soal penanaman padi dan turun ke laut.<sup>11</sup>

Hari ini, motif penubuhan masjid ini telah berkembang di mana hanya tidak sahaja sebagai tempat ibadat dan kelas fardhu ain untuk masyarakat Kampung Rusila, tetapi ia telah menjadi pusat pengajian agama yang penting, di mana pendidikan formal dan tidak formal diadakan di masjid ini dan hanya terbuka kepada umum, baik masyarakat tempatan maupun masyarakat luar yang berminat untuk mengikutinya. Selain daripada itu, ia juga menjadi tempat kegiatan yang berhubung dengan Islam bagi masyarakat dalam dan luar negeri.

<sup>11</sup> Ibid

## MASALAH KETICA.

### Bagaimana struktur pentadbiran Masjid Rusila

Di dalam pentadbiran Masjid Rusila, seperti juga dengan masjid-masjid lain di kampung-kampung, dirujukkan beberapa jawatankuasa. Meskipun demikian, dalam hal perlantikan ahli ahli jawatankuasa masjid ini, Masjid Rusila berbeza dari masjid-masjid lain, di mana ahli ahli jawatankuasa kebanyakannya masjid di Negeri Terengganu, dilantik oleh pihak Jabatan Agama Islam, seperti perlantikan Imam, bilal dan sebagainya. Sedangkan Masjid Rusila, semua ahli jawatankuasa ditadbirkan oleh orang-orang kampung dan perlantikan mereka itu adalah secara syura oleh orang-orang kampung sendiri.

**Ahli ahli Jawatankuasa Masjid Rusila terdiri dari Ahli Jawatankuasa Tertinggi iaitu Pengurus Masjid yang sekarang dihadang oleh Haji Abdul Hadi bin Haji Awang. Selau juga merangkap Imam Besar yang mengimamkari sembahyang. Di bawah Imam Besar, ada beberapa orang lagi yang akan mengambil alih tugas itu sekiranya Imam Besar tidak ada.<sup>12</sup>**

Di samping itu, dilantik pulak beberapa jawatankuasa kecil bagi menyelaras pentadbiran masjid ini. Jawatankuasa jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:<sup>13</sup>

I. Jawatankuasa Hal Ehwal Pembangunan

II. Jawatankuasa Hal Ehwal Kebajikan

12 Temubual dengan AJK Masjid Rusila, Hj. Abdullah Haji Awang, di rumahnya di Kampung Rusila, pada 1 September 1989.

13 Temubual dengan Hj. Abdul Hadi Haji Awang.

### **III. Jawatankuasa Hal Ehwal Pendidikan / Pelajaran**

**Ahli-ahli Jawatankuasa masjid ini terdiri daripada ahli qarabah itu diantara kampung iaitu Kampung Kumbia, Kampung Klu Dua dan Kampung Klu Renggeh. Kebanyakan mereka terdiri daripada petani dan nelayan di mana perkhidmatan mereka adalah secara sukarela.<sup>14</sup>**

**Ahli-ahli Jawatankuasa ini mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing. Tugas dan tanggungjawab mereka adalah seperti berikut.**

#### **1. Jawatankuasa Hal Ehwal Pembangunan**

**Peranan Ahli Jawatankuasa bahagian ini pada dasarnya adalah tertumpu kepada pembangunan masjid itu sendiri samada pada bangunan masjid atau kawasannya. Ini bererti mana-mana bahagian masjid yang rosak atau belum siap terpikul di atas bahu mereka. Mereka lah yang bertangungjawab untuk mencari pekerja-pekerja samada bekerja secara tetap atau sambangan. Di samping itu, tidak kurang juga mereka yang menyumbangkan tenaga secara sukarela bila ada keperluan.<sup>15</sup>**

**Ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan ini juga berperanan dalam soal menjaga masjid dan kawasannya dari segi kebersihan dan sebagainya. Selain daripada itu, Ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan dipertangungjawabkan**

<sup>14</sup> Temubual dengan AJK Masjid Rusda, Hj. Muda Abdullah.

<sup>15</sup> Temubual dengan Hj. Abdul Hadi Haji Awang.

mengurus pembelian tanah-tanah untuk kegunaan masjid serta merawat dan menjaga tanah-tanah yang diwakafkan kepada masjid.<sup>16</sup>

## II. Ahli ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Kebajikan.

Tugas Ahli Jawatankuasa ini bukan sahaja mengendalikan hal-hal kebajikan yang berkaitan dengan masjid bahkan lebih luas daripada itu, mereka juga ber tanggungjawab dalam menguruskan kebajikan orang-orang kampung seperti kemalangan, membantu mangsa mangsa banjir dan mengadakan golong royong. Tugas-tugas ini dilaksanakan dengan kerjasama orang-orang kampung sendiri.<sup>17</sup>

## III. Jawatankuasa Hal Ehwal Pendidikan

Ahli Jawatankuasa ini mempunyai peranan yang amat penting dalam memastikan maju mundurnya sistem pengajaran di masjid ini.

Sistem pengajaran di masjid ini bolehlah dibahagikan kepada dua bentuk pengajaran bentuk umum dan khusus. Kedua-dua bentuk pengajaran ini adalah lanjutan daripada orang-orang tua dahulu. Berbanding dengan pengajaran khusus, pengajaran umum telah bermula sejak pembubaran masjid ini lagi sementara pengajaran khusus bermula di masa Haji Abdul Rahman Haji Abdullah yang mendapat pendidikan di Patani, mengasaskan pengajaran pondok di masjid ini yang kemudiannya dikenali dengan Madrasah Dar Al-Quran.<sup>18</sup>

<sup>16</sup> Ibid

<sup>17</sup> Ibid

<sup>18</sup> Ibid

**Walau bagaimanapun** kedua-dua bentuk pengajaran ini telah dikemaskinikan semula seuai dengan perkembangan dunia hari ini. Jadi untuk memastikan agar kedua-dua program ini berjalan dengan lancar Jawatankuasa ini diwujudkan dan bertugas mengurus apa saja yang berkaitan dengannya seperti menyusun dan menugas mengatur pembelajaran di masjid serta mencari tenaga pengajar yang berpengalaman dan berkebolehan dalam penyampaian ilmu. Mereka ini terdiri daripada orang orang kampung dan guru-guru daripada lain-lain sekolah. 19 samada secara sambilan atau yang telah berhenti dari berkhidmat dengan kerajaan.

**Tugas Jawatankuasa** ini juga telah menentukan agar pelajaran berjalan dengan lancar dan tetap di samping menyekalkan sebarang masalah yang timbul di kalangan guru-guru dan murid-murid. 20

Selain daripada Ahli Jawatankuasa yang disebutkan tadi, terdapat satu pertubuhan sukarela yang bertugas mengawasi masjid daripada dilakukannya aktiviti 21

Dalam penulis tidak dapat menyentarkan nama-nama Ahli Jawatankuasa masjid ini kerana maklumat tentang hal ini tidak didekati oleh pihak pentadbir tertinggi masjid atas setiap sebab tertentu. Cuma dinyatakan bilangan kesemua mereka ialah lebih kurang 30 orang.<sup>22</sup>

19 Guru-guru berjaya dan tidak berjaya samada dari dalam atau luar negri.

20 Temubual dengan Hj Abdul Hadi Haji Awang.

21 Temubual dengan Hj Muda Abdullah.

22 Temubual dengan Hj Abdul Hadi Haji Awang.

Walau bagaimanapun kedua-dua bentuk pengajaran ini ialah dikemaskulinikan semula sejauh dengan perkembangan dunia hari ini. Jadi untuk memastikan agar kedua-dua program ini berjalan dengan lancar, Jawatankuasa ini diwujudkan dan bertugas mengurus apa saja yang berkangkutan dengannya seperti menyusun dan mengatur pembelajaran di masjid serta mencarikan seorang pengajar yang berpengalaman dan berkebolehan dalam penyampaian ilmu. Mereka ini terdiri daripada orang-orang kampung dan guru-guru daripada luar-lau sekolah,<sup>19</sup> wanita berata sambutan atau yang telah berhenti dari berkhidmat dengan kerajaan.

Tugas Jawatankuasa ini juga ialah menentukan agar pelajaran berjalan dengan lancar dan teratur di samping menyekalkan sebarang masalah yang mungkin di hadapi guru-guru dan murid-murid.<sup>20</sup>

Selain daripada Ahli Jawatankuasa yang disebutkan tadi, terdapat satu pertubuhan sukarela yang bertugas mengawasi masjid daripada dikhianati dan dicorbohi.<sup>21</sup>

Dalam penulis tidak dapat menyentatikti rincian-rincian Ahli Jawatankuasa masjid ini kerana maklumat tentang hal ini tidak ddedahkan oleh pihak pentadbir tertinggi masjid atas sebab-sebab tertentu. Cuma dinyatakan bilangan kesemua mereka ialah lebih kurang 30 orang.<sup>22</sup>

19 Guru-guru berjaya dan tidak berjaya sama ada dari dalam atau luar negri.

20 Temubual dengan Hj. Abdul Hadi Haji Awang.

21 Temubual dengan Hj. Muda Abdullah.

22 Temubual dengan Hj. Abdul Hadi Haji Awang.

Dalam perbicangan sebelum ini, penulis telah menyebutkan bahawa semua Ahli Jawatankuasa masjid ini adalah terdiri daripada penduduk tiga buah kampung iaitu Kampung Rusa, Kampung Klu Dua dan Kampung Klu Peringgit. Jadi untuk menyeragamkan perlaksanaan sebuah program, satu mesyuarat akan diadakan di masjid ini dan hasil dari perbicangan ini berulah dilaksanakan di masjid-masjid dan surau-surau di kampung masing-masing.<sup>23</sup>

#### MASALAH KEEMPAT

**Bagaimana hubungan Masjid Rusila dengan Majlis Agama Islam Negeri Terengganu.**

Mengikut Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu 1986, di bawah Seksyen 165 (1) menyebutkan bahawa semua masjid di negeri ini adalah diamanalikan kepada Majlis Agama Islam Terengganu.<sup>24</sup> Ibu bermakna semua masjid di negeri ini berada di bawah pengawasan dan pentadbiran Majlis Agama. Maka mana masjid yang melanggar peraturan yang dibuat, maka tindakan undang-undang boleh diambil oleh pihak Majlis Agama.

Masjid Rusila juga adalah termasuk salah sebuah masjid yang berada di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Terengganu di mana ia telah diaktarkan di dalam Enakmen di atas, di bawah Seksyen 180 (2) bilangan

<sup>23</sup> Ibid

<sup>24</sup> Lihat Lampiran 1

30.<sup>25</sup> Walau bagaimanapun hubungan di antara keduanya agak terengang atau boleh dikatakan bagai relak menanti bila.<sup>26</sup>

Menurut pihak Majlis Agama, hal ini timbul kerana tidak adanya kerjasama daripada pihak Masjid Rusila, di mana surat-surat yang diberitarkan kepadanya tidak mendapat sebarang jawapan. Kerana itu tidak ada maklumat rasmi mengenai kegiatan masjid ini yang sampai ke peringatan pihak Majlis Agama. Tambahan pula, masjid ini dikuasai oleh pihak parti pembangkang.<sup>27</sup>

Sebenarnya, kalau mengikut undang-undang yang diperuntukkan di dalam enakmen, pihak Majlis Agama boleh mengambil tindakan terhadap masjid ini. Tetapi kerana meningkatkan kemungkinan besar akan mencetuskan reaksi yang tidak menyenangkan dari kalangan jemaah masjid ini, pihak Majlis Agama mengambil keputusan membuka Masjid Rusila untuk menjalankan aktivitiinya.<sup>28</sup>

Pihak Masjid Rusila juga mempunyai pandangan yang sama dalam hal ini, di mana akibat daripada tindakan pihak berkuasa terhadap masjid ini, kemungkinan besar akan membangkitkan kemarahan di kalangan ahli-ahli jemaahnya dan bukanlah sesuatu yang mustahil sekiranya peristiwa tetam

25. Lihat Lampiran D.

26. Temubual dengan Encik Yusof bin Abdul Rahman, Penolong Kanan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu, Bahagian Dakwah, pada 2hb Sept. 1989.

27. Ibid.

28. Ibid.

yang berlaku di Memali November 1985 akan berulang kembali di Masjid Rusila

int. 29

Majlis Agama Islam menyifatkan masjid ini sebagai sebuah masjid politik, kerana ia ialah sukar bagi pihak mereka untuk mengambil sebarang tindakan terhadapnya. Anggapan ini timbul mungkin kerana ketamatanan pihak masjid dalam membuat teguran terhadap rancangan-rancangan pihak berkuasa yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam seperti usaha yang dibuat oleh kerajaan dalam menghidupkan semula permainan tradisional seperti makyong, rodat dan main pantat. Tambahan pula teguran-teguran ini datangnya dari mereka yang tidak sealiran perjuangannya dengan pihak berkuasa.

Sementara bagi pihak Masjid Rusila pula, kalau mengikut undang-undang yang diperuntukkan dalam pentadbiran masjid-masjid negeri-negeri, memanglah Masjid Rusila telah tidak mematuhi. Hal ini tidak sahaja terhadap Majlis Agama Islam, tetapi juga kepada pihak Majlis Bandaran Daerah Marang, di mana pembinaan masjid ini tanpa pelan<sup>30</sup> yang sah, sedangkan hal ini bercanggah sama sekali dengan peraturan yang dibuat oleh pihak Majlis Bandaran.<sup>31</sup>

29 Temubual dengan Hj. Muda Abdullah, Op. CII.

30 Masjid Rusila tidak mempunyai pelan yang sah, hanya dilukis di atas tanah sahaja.

31 Temubual dengan Haji Abdul Hadi Haji Awang, Op. CII.

Walau bagaimanapun, sejak itu perkara tersebut tidaklah menimbulkan sebarang masalah, kerana tidak ada sebarang tindakan yang diambil terhadap masjid ini oleh pihak berwajib khasnya Majlis Agama Islam sendiri. Sebaliknya mereka turut memberikan sokongan moral kepada masjid dengan menghantarkan jadual waktu sembahyang, kalender, iklan-iklan kerajaan serta iklan-iklan kerja kosong daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Dan pihak Majlis Agama juga ada menghantarkan wakilnya semasa pembinaan masjid ini, untuk membantu pihak masjid dalam menentukan arah kiblat dengan menggunakan kompas.<sup>32</sup>

## MASALAH KELIMA

### Apakah kegiatan-kegiatan Masjid Rusila

#### A. Kegiatan Ibadat

Makna ibadat dari segi bahasa ialah ﴿عَبَادَة﴾ yang bermaksud ketuntan yang disertai dengan kepatuhan.<sup>33</sup> Sementara dari segi istilah pula, sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibnu Taimiyah ialah nama bagi setiap yang disukai oleh Allah dan RasulNya samada perkataan atau perbuatan, zahir dan batin.<sup>34</sup>

<sup>32</sup> Ibid.

<sup>33</sup> Iba al-Manzur, Jamaluddin Muhammad Ibn Mukram, Lisan al-Arab, Jusu' 4, Dar al-Misri, Beirut, 1968, hal. 262.

<sup>34</sup> Dr. Budah @ Udah bin Mohsin, Kesan Ibadah Dalam Pembentukan Akhlak Seorang Muslim, al-Rahmaniah, Bangi, 1986, hal. 1.

Dari pada pengertian di atas menunjukkan kepada kita bahawa makna ibadat ini sangat luas, merangkumi setiap perkara yang disuruh dan ditegah oleh Allah dan RasulNya.

Menyentuh tentang kegiatan ibadat yang dijalankan di Masjid Rubila ini, penulis akan membincarakan mengenai ibadat sembahyang dan pengajian Al-Quran sahaja.

### I. Ibadat Sembahyang

Sembahyang atau dalam bahasa Arabnya disebut solat ( ﴿ ﴾ ) ialah ibadat badanlah, ia diwajibkan ke atas setiap muslim sebanyak lima kali seluruh semalam pada waktu-waktu yang tertentu.<sup>35</sup> Sembahyang juga merupakan rukun agama, sesiapa yang mengerjakannya ia telah membangunkan dan sebaliknya sesiapa yang mengingkarinya ia telah meruntuhkan agamanya.<sup>36</sup> Ini merupakan belaka besarnya peranan sembahyang di dalam kehidupan seorang Muslim. Di dalam Al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang menyentuh tentang kewajipan sembahyang ini. Antaranya firman Allah yang berbunyi:

إِنَّ الْمُصَدِّقَاتِ مَلِيَّةٌ لِّلَّهِ وَمَا يُنْهَا كُلُّ نَعْوَدٍ

<sup>35</sup> Mahmud Syaltut, Islam Aqidah dan Syariat, Dar al-Qalam, Qahirah, 1966, hal. 81.

<sup>36</sup> Dr. Hassan al-Turabi, al-salat Imad al-Din, Dar al-Qalam, Beirut, 1964, hal. 184.

**Ertinya:**

**"Sesungguhnya sembahyang itu adalah fardhu yang ditentukan ke atas orang-orang yang beriman".<sup>37</sup>**

Prof. Dr. Hamka dalam kitab Tafsirnya mengalaskan bahawa, sembahyang bagi orang Islam bila tiba waktunya adalah mententeramkan jiwa scelah penat menghadapi tugas-tugas sehartan. Sembahyang juga boleh meningkatkan peribadi seseorang Muslim sehingga dapat mendekatkannya dengan sifat-sifat Tuhan.<sup>38</sup>

Ibadat sembahyang ini boleh dilakukan secara bersendirian maupun secara berjemaah. Namun begitu Islam lebih menggalakkan agar sembahyang itu dilakukan secara berjemaah.

Dalam hal ini, Masjid Rusila sebagai sebuah masjid yang terkenal di Terengganu tidak dapat dinasikan lagi peranannya dalam menarik masyarakat untuk sembahyang berjemaah di sini. Para jemaah yang datang untuk sembahyang lima waktu di sini bukan sahaja terdiri dari kalangan penduduk Kampung Rusila dan sekilarnya malah ia turut menjadi tumpuan para mosalim. Ini berdasarkan kedudukannya yang terletak di tempat yang strategik, di tepi jalanraya utama yang menghubungkan antara Pantai Timur dan Pantai Barat.

---

37 Al-Quran, Surah an-Nisa', ayat 103.

38 Prof. Dr. Hamka, Tafsir al-Azhar, Juzu' 5, Yayasan Nurul Islam, Jakarta: 1984, hal. 294.

Pada hari Jumaat pula, Masjid Rusila menjadi tumpuan para jemaah dari berbagai tempat sehingga bilangannya melebihi 4,000 orang. Sehingga ada yang terpaksa sembahyang di luar masjid. Dan dari bilangan mereka yang hadir, hanya 25% sahaja terdiri dari penduduk kampung ini, manakala yang selebihnya adalah dari kampung-kampung berhampiran dan dari daerah yang lain.<sup>39</sup> Kebanyakan mereka ini, terutamanya yang tinggal jauh dari tempat ini, datang ke masjid pada waktu pagi untuk mengikuti kultuh pagi Jumaat dan seluruhnya menunggu untuk menunaikan sembahyang Jumaat di sini.

Apa yang menarik dan menjadi pendorong kepada mereka yang bersembahyang Jumaat di sini talah kerana ketidimewaan khutbahnya berbanding dengan khutbah Jumaat di masjid-masjid yang lain di Terengganu. Ini terbukti di mana, tanya tidak terikat dengan teks khutbah Jumaat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, bahkan tanya disedia dan disampaikan sendiri oleh Pengurusnya, Ustaz Haji Abdul Hadi. Isi kandungannya mengulas tentang hal ehwal semasa yang berkaitan dengan Islam dan perkembangan umatnya samada yang berlaku di dalam maupun di luar negeri.<sup>40</sup>

Manakala tiba bulan Ramadhan, masyarakat Islam kampung ini dan kampung-kampung yang berhampiran menghidupkan masjid dengan sembahyang sunat terawih dan tadarrus<sup>41</sup> al-Quran. Bilangan rakaat

<sup>39</sup> Ibid

<sup>40</sup> Temubual dengan Hj. Muda Abdullah, Op.Cll.

<sup>41</sup> Tadarrus; membaca serta menghayati kandungan al-Quran secara bersendirian atau berkumpulan.

sembahyang terawih di masjid ini tidak setiap adakalanya dibuat 11 rakaat dan kadang-kadang 23 rakaat.

Begitu juga pada setiap tahun, pada kedua-dua hari raya iaitu Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji manakala ini semestinya dipenuhi oleh ahli jemaah yang datang dari jauh dan dekat untuk berjemaah di sini.

Pada malam hari di hari-hari biasa, masjid ini digunakan pula oleh seorang pelajar Dar al-Quran. Mereka menghidupkan masjid dengan menunaikan sembahyang sunat Tahajjud.<sup>42</sup>

## 2. Kelas Pengajian al-Quran

Al-Quran merupakan sumber perlembagaan dalam Islam. Oleh itu setiap muslim sepertulnya dapat memahami isi kandungan al-Quran ataupun sekurang-kurangnya dapat membaca al-Quran dengan baik, kerana membaca al-Quran juga adalah merupakan satu ibadat. Rasulullah s.a.w bukan setakat mengajar umatnya agar mempelajari al-Quran, bahkan baginda juga menggalakkan membacanya.

Namun pada hari ini kita dapati ramai dari kalangan umat Islam yang tidak tahu membaca al-Quran. Ini merupakan satu gejala yang amat menyedihkan. Hal ini timbul dari sikap tidak ambil berat mereka terhadap agama Islam sendiri. Mengenai guru-guru al-Quran pula, kalau dulu di kebanyakan kampung terdapat guru-guru al-Quran yang berkhidmat secara

42 Temubual dengan Haji Muda Abdullah, Op. Cil.

sukarela kepada masyarakat kampung mereka, namun kini amalan turun temurun itu boleh dikatakan hampir pupus sama sekali.

Menyedari tentang hakikat inilah, maka Masjid Rusila telah mengambil inisiatif dengan membuka kelas pengajian al-Quran untuk orang-orang kampung. Kelas ini ditaja untuk orang-orang dewasa sahaja, yang mana mereka ini sudah pandai membaca al-Quran. Mereka hanya diajar tentang cara-cara penibacaan yang betul mengikut tajwid dan sebagainya. Manakala kanak-kanak pula diajar oleh guru-guru al-Quran di kampung masing-masing. Kelas pengajian al-Quran ini diadakan empat kali seminggu selepas sembahyang Isyak iaitu pada malam Isnin, Selasa, Rabu dan Sabtu.<sup>43</sup>

### B. Kegiatan Pendidikan

Kegiatan pendidikan yang ada di Masjid Rusila hari ini merupakan lanjutan daripada apa yang dibuat oleh orang tua Ustaz Haji Abdul Hadi. Namun begitu, ia telah diubahsuai dan dikenalkan mengikut perkembangan ilmu dan tuntutan semasa. Umumnya kegiatan pendidikan di sini bermula dari peringkat pra-sekolah, remaja sehingga kepada orang-orang dewasa. Dan untuk memudahkan perlincangan penulis telah membahagikannya kepada dua bahagian iaitu Pengajian Umum dan Pengajian Khusus.

#### I. Pengajian Umum

43 Temubual dengan Haji Abdul Hadi Haji Awang, Op. Cii.

Dinamakan pengajian umum kerana ia terbuka kepada semua golongan masyarakat dari segenap lapisan, baik lelaki atau perempuan, tua maupun muda dan sebagainya. Di dalam pengajian umum ini mereka berpeluang mengikuti kelas pengajian Fardhu Aini, Fiqh, Tasfir, Aqidah serta berbagai lagi kegiatan yang dijalankan di Masjid Rusila. Ia boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Kuliah Pagi Jumaat, Kuliah Malam Selasa dan Kuliah Subuh.

### a. Kuliah Pagi Jumaat

Kuliah ijl diadakan pada tiap-tiap hari Jumaat setiap minggu. Ia merupakan lanjutan daripada kuliah pagi Jumaat yang dibuat oleh orang tua Ustaz Haji Abdul Hadi. Apa yang berbeza, pada masa dahulu ia dibuat di rumah manakala sekarang pula ia dipindahkan ke masjid. Pada peringkat awal Ustaz Haji Abdul Hadi mengambil alih tugas ini, lalu pada pertengahan tahun 1976, hanya tidaklah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dari orang ramai sepetimana yang berlaku hari ini. Jumlah mereka hanyalah dalam lingkungan dua puluh orang sahaja yang terdiri dari penduduk Kampung Rusila sendiri, Hulu Marang dan Chendering. Jumlah ini amat sedikit jika dibandingkan dengan apa yang ada hari ini, di mana jumlahnya dianggarkan antara 3000 hingga 6000 orang.<sup>44</sup> Perkembangan ini merupakan suatu perkara yang amat membanggakan.

Bermula dari tahun tersebut, Ustaz Haji Abdul Hadi telah menulis risalah pagi Jumaat yang berkaitan dengan Aqidah dengan 2-3 sahaja yang

<sup>44</sup> Ibid

mengandungi teks pengajian pada hari itu untuk diceritakan kepada orang ramai yang hadir.<sup>45</sup>

Kuliah ini diadakan selama 1 1/2 jam mulai pukul 9.00 hingga 10.30 pagi. Pelajaran yang diajar ialah Aqidah Muslim dan Tafsir.<sup>46</sup> Kesungguhan dan minat orang ramai untuk datang mengikuti kuliah ini jelas sekali di mana mereka mula memenuhi ruang-ruang masjid dan kawasan sekitarinya sejak awal-awal pagi lagi. Berbagai bagai cara dan ikhtiar dilakukan oleh mereka untuk datang ke sini. Ada yang datang dengan menggunakan kenderaan sendiri, menumpang kawan, jiran dan sebagainya. Ada pula yang datang dengan kenderaan awam seperti bas dan kereta sewa. Dan tidak kurang juga mereka yang terpaksa menyewa van dan kenderaan-kenderaan lain.<sup>47</sup> Kebanyakan mereka yang datang ini cuba untuk sampai ke masjid awal-awal lagi atau sekurang-kurangnya sebelum pengajian bermula. Ini untuk mengelakkan kesesakkan lalu lintas dan untuk memudahkan mencari tempat meletak kenderaan masing-masing.

Pada hari ini berbagai gelagat manusia dapat diaksikkan. Bagi mereka yang berniaga, mereka mengambil peluang ini untuk mempanaskan hasil dagangan masing-masing kepada ribuan jenama yang hadir. Di kawasan masjid ini, disediakan satu tempat khas untuk orang ramai berjual beli dan dicasigkan antara kawasan lelaki dan perempuan. Di sini berbagai-bagai keperluan boleh

<sup>45</sup> Ibid

<sup>46</sup> Antara buku-buku rujukan yang digunakan dalam kuliah tafsir ialah buku Tafsir Ibn Khaldun, al-Qurtubi dan Fi Zilal al-Qur'an.

<sup>47</sup> Berdasarkan kepada borang solidik

dilakukan seperti hasil-hasil pertanian, pakatan makanan, minuman dan berbagai lagi keperluan harian yang lain. Tidak kurang juga mereka yang menjual kaedah-kaedah pengajian, buku-buku agama dan lau-lau lagi. Namun begitu urusan jual beli ini tidak mengganggu kelancaran kuliah yang disampaikan kerana pihak masjid telah menetapkan bahawa hanya boleh dijalankan sebelum dan selepas kuliah sahaja. Masanya pada pukul 8.45 pagi sebelum kuliah bermula sehingga urusan jual beli dilentik.

Ekoran dari sambutan yang begitu menggalakkan dari orang ramai terhadap kuliah ini, secara tidak langsung telah menimbulkan masalah kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu pagi dan tengahari. Namun keadaan ini sedikit sebanyak telah dapat diatasi dengan kerjasama yang diberikan oleh pihak polis trafik 48

#### b. Kuliah Malam Selasa

Seperiti juga dengan kuliah pagi Jumaat, kuliah malam selasa ini merupakan aktiviti mingguan masjid yang diadakan pada setiap malam selasa. Kuliah ini bermula selepas sembahyang magrib sehingga masuk waktu Isyak dan disampaikan oleh Ustaz Haji Abdul Hadi. Kitab-kitab yang digunakan dalam kuliah ini ialah

1. حمد لله رب العالمين Iktiraf Dikti Pultar

2. حمد لله رب العالمين Iktiraf Syed Quabb

### **3. a. درس والمسار**

Walau bagaimanapun buku-buku ini tidaklah digunakan sekaligus, sebaliknya dihadarkan sebuah demi sebuah.<sup>49</sup>

Kullah ini juga mendapat sumbutan yang menggalakkan dari orang ramai tetapi tidaklah sehebat sumbutan yang diberikan terhadap kullah pagi Jumaat.

#### **c. Kullah Subuh**

Kullah subuh merupakan satu aktiviti pengajian agama yang dijalankan selepas sembahyang subuh. Kullah ini tidak tetap, ia dijalankan mengikut kelapangan yang ada pada Ustaz Haji Abdul Hadi. Sekiranya belum tidak mempunyai apa-apa program lain, Kitab-kitab yang digunakan dalam kullah subuh ini, biasanya ialah kitab-kitab yang menyentuh tentang taqid dan akhlak.<sup>50</sup> Bagi pelajar-pelajar Madrasah Dar al-Quran Khususnya pelajar lelaki mereka diwajibkan untuk menghadiri kullah ini.<sup>51</sup>

#### **2. Pengajian Khusus**

Pengajian Khusus ini hanya terhad kepada kanak-kanak pada sekolah dan pelajar-pelajar yang telah menamatkan pengajaran di sekolah terdahulu dan mereka mendapat pendidikan formal seperti juga dengan pelajar-pelajar di

<sup>49</sup> Ibid

<sup>50</sup> Ibid

<sup>51</sup> Temubual dengan Haji Muda Abdullah, Op. Cit.

**sekolah kerajaan. Bagi memudahkan perbincangan ini, penulis membahagikan pengajian khusus ini kepada dua bahagian iaitu TASHI (Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam) atau sekarang telah diubah kepada PASTI (Pusat Asuhan Tunas Tunas Islam) dan Madrasah Ibtidaiyah Qur'an atau dulunya dikenali dengan **sekolah Pondok**.**

### **PASTI (Pusat Asuhan Tunas Tunas Islam)**

Dalam Islam pendidikan ke atas anak-anak amatlah dititikberatkan, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

ذلِكَ مُوَاضِعَةٌ مُهْرَجَةٌ مُنْهَاجَةٌ

وَالْمَهَاجَرَةُ وَالْمُهَاجَرَةُ

Artinya:

**"Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah, maka kedua ibubapanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majus."**<sup>52</sup>

Lantaran itu pendidikan Islam terhadap anak-anak amat dititikberatkan demi membentuk generasi Muslim yang selamat di dunia dan akhirat. Demi menjaga sesbuah keluarga masyatakat dan negara supaya sentiasa berada di atas landasan agama Allah, maka asasnya tidak ancamanik dan hidupan ini dengan diktat Islam. Ini bertepatan dengan firman Allah:

52. al-Imam abi al-Hussein Muslim bin al-Hajjaj, Sahih Muslim, Jilid 8, Cetakan 1, Maktabah wa Matbaah Mustafa al-Banu al-Malaki, Al-Azhar, Mesir 1960, hal. 82.

اللهم إني أسألك ملائكة حفظك وآمين

tertinjau

"Wahai orang-orang yang beriman, perbaikalah dirimu dan ulil keluargamu dari apa yang tidak baik."<sup>53</sup>

**Hadis dan ayat al-Quran** juga menerangkan betapa besarnya peranan ibubapa dalam mencerdaskan seorang anak. Di tangan mereka lah terletaknya sesuatu pendidikan santriwa Islam atau sebaliknya. Berdasarkan kepentingan yang telah berlaku, maka timbulah kesedaran bagi mewujudkan Pusat Asuhan Tunas-Tunas Islam ini.

PASTI merupakan tempat asuhan pra sekolah ia ditubuhkan di Kampung Rusila ini pada tahun 1978 dan dikelolakan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Mereka telah menggunakan Dewan Muslimat sebagai kelas PASTI. Dewan ini terletak bersebelahan dengan masjid dan mempunyai banyak kelengkapan untuk kemudahan pembelajaran.<sup>54</sup>

53 Al-Quran, Surah at-Tahirin, ayat 6.

54 Tembusul dengan Haji Abdul Hadi Haji Awang, Op. Cit.

**Pakaian rasmi bagi kanak-kanak di sini ialah seluar panjang, baju melayu dan koptah hijau bagi lelaki. Manakala yang perempuan puti, jubah hijau tua dan tudung kepala hijau muda.**

**Seperlimana kelas-kelas bimbingan yang lain, mereka belajar mulai pukul 8.00 hingga 11.00 pagi tetapi mereka mempunyai hari cuti yang berlainan iaitu pada hari Khanus dan Jumaat. Pelajaran yang diajar di peringkat ini ialah peringkat asas dari negi ketauhidan dan peribadatan. Asas akhlak dan lau-lau yang berkaitan dengan agama diajar di peringkat ini adalah seperti berikut:**

1. **Mengenal Allah, diri dan kesihatan.**
2. **Mengenal huruf-huruf al-Quran.**
3. **Adab bergaul, adab makan, adab tidur dan lau-lau kegiatan harian.**
4. **Memperkenalkan bahasa-bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa Arab.**
5. **Memperkenalkan asas tulisan Jawi dan Rumi.**
6. **Memperkenalkan asas Ilmu Kira-kira dan Ilmu mengenal alam Riyadah.**
7. **Nasyid Islam.**

**Matlamat penubuhan PASTI sebagai menyediakan tapak semula jadi berlandaskan roh Islam serta menanamkan perasaan cintakan Allah dan Rasul di jiwa mereka. PASTI juga sebagai asas kepada generasi itu untuk mendidik Islam secara menyeluruh, menanamkan perasaan cinta kepada Islam secara sekolah dan orang-orang yang menanamkan sikap pengaluan yang baik antara mereka dan orang-orang yang**

lebih tua. PASTI adalah menampung kekurangan didikan yang mereka terima dari pada orang tua mereka 55

### b. Madrasah Dar al-Quran

**Perhatian Islam yang serius terhadap ilmu pengetahuan tidak dapat dimiliki. Ia merupakan asas pemikiran insan dan peradabannya.** Perhatian Islam yang serius dapat dilihat dalam ayat yang mula-mula diturunkan kepada Nabi Muhammad ketika berada di gua Hira. Wahyu yang pertama ini mengandungi empat perkara penting iaitu perbicaraan, pengajaran, pena dan pengetahuan. 56

Objektif tersebut ialah untuk membentuk syakhsiyah Islamiyyah yang suhu yang dapat bangun berjuang demi menegakkan Islam. Oleh itu isi kandungan pendidikan yang disampaikan itu bergantung kepada wahyu dari Allah Taala sendiri. Dengan demikian bermakna bahawa kelahiran pendidikan Islam merupakan satu era baru bagi dunia pendidikan yang ada pada masa itu. 57 Pendidikan Islam yang pertama bertapak di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam di al-Saffa, Mekah pada tahun 610M. Pendidikan itu telah diatur dan dikendalikan sendiri oleh Rasulullah. Perkembangan pendidikan di zaman

### 55 Ibid

56. Dr. Abdul Halim El Muhammady, Pendidikan Islam, Skop dan Matlamatnya, Jurnal Pendidikan Islam, Thn. 1, Bil.1, Terbitan Biro Pendidikan ABIM, Kuala Lumpur, 1984,hal. 13.

57. Zawawi Haji Ahmad, Struktur Pendidikan Islam, Jurnal Pendidikan Islam, Thn. 1, Bil.1, Terbitan Biro Pendidikan ABIM, Kuala Lumpur, 1984,hal. 41.

**kegemilangan Islam telah mampu melahirkan ramai tokoh-tokoh kelmuhan dalam berbagai aspek sains dan kesusasteraan maupun kekhiratan.**

**Menyedari tentang hakikat pentingnya ilmu pengetahuan. Inti Madrasah Dar al-Quran ini ditubuhkan. Sistem pengajianannya berbentuk pengajian pondok. Madrasah ini merupakan sebuah institusi pendidikan agama persendirian yang pertama diadakan di daerah ini. Ia ditubuhkan pada tahun 1984 dengan pembentukan penuh dari pihak masjid tanpa sebarang bantuan dan bantuan dari pihak kerajaan. Madrasah ini sebenarnya adalah merupakan lanjutan daripada sekolah pondok yang telah ditasaskan oleh Haji Abdul Rahman Haji Abdullah. datuk kepada Haji Abdul Hadi yang telah diberi nafas baru oleh beliau dengan menamakannya Madrasah Dar al-Quran.**

**Penubuhannya merupakan perancangan dari masyarakat Islam setempat dan juga para pemimpin perjuangan Islam. Ustaz Haji Abdul Hadi merupakan orang pertama yang meruntis jalan kearah penubuhan madrasah ini.**

#### **1. Molis penubuhan**

**Kebanyakuan pelajar-pelajar hari ini begitu mengharapkan bantuan kerajaan atau badan-badan swasta dalam memberi peluang pekerjaan selepas mereka tamat belajar. Justeru kerana itulah apabila mereka tidak mendapat peluang ini, akan wujudlah pengangguran di sana-sini.**

**Suasana ini begitu berbeza bila dibandingkan dengan pelajar-pelajar sekolah pondok yang begitu popular suatu ketika dulu. Mereka tidak terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan dalam menyediakan pekerjaan kepada mereka. Ini kerana mereka telah diasuh dan dididik untuk berdikari. Mereka tidak memilih pekerjaan kerana bagi mereka apa yang lebih penting adalah menuntut ilmu ku sendiri.<sup>58</sup>**

**Berdasarkan kepada situasi seperti inilah, telah mendorong pihak masjid untuk menubuhkan madrasah ini dengan harapan dapat mengembalikan para pelajar kepada roh Islam dalam menuntut ilmu dan bukannya kerana mengejar pekerjaan. Keperluan kepada pekerjaan memanglah tidak dapat dinasikan, namun ia tidak boleh dijadikan sebagai matlamat utama.<sup>59</sup>**

**Seterusnya pihak masjid mengharapkan, dengan sistem pendidikan yang dijalankan di madrasah ini dapat melahirkan generasi baru yang berkebolehan menahanu dengan mendalam dasar-dasar Islam dan hukumnya secara menyeluruh di samping berkebolehan pula menghuratkam masalah dan peristiwa-peristiwa semasa dan berakhlak dengan berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah. Seterusnya dapat melahirkan ulamak haraki yang bukan sahaja ahli dalam ilmu Islam tetapi juga berkebolehan dalam kegiatan kegiatan masyarakat.<sup>60</sup>**

---

<sup>58</sup> Temubual dengan Haji Abdul Hadi Haji Awang, Qn. Qn.

<sup>59</sup> Ibid

## II. Pelajar dan syarat kemasukan

Pelajar-pelajar di madrasah ini terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan. Walaupun pada mulanya hanya pelajar lelaki yang diterima mewujuk, tetapi pada tahun kedua peluang ini telah dibuka kepada pelajar pelajar perempuan. Namun begitu ini tidaklah bermakna mereka belajar di dalam satu kelas yang sama seperti mana yang dilaksanakan di sekolah-sekolah biasa, tetapi sebaliknya mereka diajar di kelas-kelas yang berasingan.<sup>61</sup> Pelajar lelaki belajar di masjid manakala pelajar perempuan pula di tingkat bawah bangunan asrama tempat tinggal mereka.

Pelajar-pelajar ini tidak sahaja datang dari negeri Terengganu, malah juga dari luar seperti Pahang, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan dan lain-lain lagi. Mereka ini semuanya diwajibkan tinggal di asrama samada yang datang dari dekat maupun jauh.<sup>62</sup>

Pengambilan para pelajar di madrasah ini bermula pada awal Januari setiap tahun. Syarat kemasukan bagi setiap pemohon, selain daripada mempunyai tahap pencapaian akademik yang baik dalam peperiksaan penilaian darjah lima atau sekarang Kurikulum Baru Sekolah Rendah, adalah diutamakan juga dari segi kebolehan membaca al-Quran serta membaca dati

<sup>60</sup> Temubual dengan Mak Sui, seorang penduduk Rusila yang diberi tugas sebagai penyelia pelajar perempuan, pada 25hb. Ogos, 1989.

<sup>61</sup> Ibid

<sup>62</sup> Ibid

menulis tulisan Jawi.<sup>63</sup> Had umur mereka telah dalam lingkungan 12 hingga 13 tahun, iaitu setelah tamat pengajian mereka di sekolah-sekolah kebangsaan.

Dalam tempoh lima tahun pengajian di sini, madrasah ini telah dapat menampung lebih kurang 500 orang pelajar. Pada setiap sesat, hanya lebih kurang 100 orang pelajar diterima. Namun ini tidaklah tetap, ia bergantung kepada kemampuan yang ada pada pihak masjid.

Bagi pelajar yang diterima masuk ke madrasah ini, mereka dikenakan bayaran sebanyak \$85.00 pada hari pendataran, \$50.00 sebagai wang pendaftaran pelajar manakala \$35.00 lagi untuk yuran bulanan.<sup>64</sup>

### III. Tenaga pengajar

Tenaga pengajar di Madrasah ini kebanyakannya berkelulusan dari berbagai pusat pengajian tinggi samada di dalam maupun di luar negeri dan ada juga yang berkelulusan dari pengajian pondok. Ada di antara mereka yang merupakan bekas guru agama yang telah berkhidmat di sekolah-sekolah kerajaan. Oleh itu, walaupun Madrasah ini baru ditubuhkan tetapi tenaga pengajaranya terdiri dari orang-orang yang berpengalaman. Guru besar atau mudir Madrasah ini ialah Ustaz Mahmud bin Sulaiman, beliau merupakan seorang guru agama yang berkelulusan dari Universiti al-Azhar, Mesir. Tenaga

63 Temubual dengan Haji Abdul Hadi Haji Awang, Op. CIL.

64 Temubual dengan Mak Su, Op. CIL

pengajar yang terlibat dengan pengajian di Madrasah ini semoda bagi pelajaran umum atau pelajaran agama dan bahasa Arab sejauh lebih kurang 20 orang.<sup>65</sup>

#### IV. Mata pelajaran

Sebelum dikenali dengan nama Madrasah Dar al-Quran mata pelajaran yang diajar di sini lebih menitikberatkan kepada penggunaan buku-buku teks Arab. Kerana itu mata pelajaran lain yang tidak berpengantarannya bahasa Arab tidak diajar di sini, sama juga halnya dengan sekolah-sekolah pondok yang lain dewasa itu.<sup>66</sup> Mata pelajaran yang diajar di sini adalah Nahu, Saraf, Balaghah, Maniq, Fiqh dan Tauhid. Walau bagaimanapun setelah Ustaz Haji Abdul Hadi mengasaskan Madrasah Dar al-Quran pada tahun 1984, beberapa mata pelajaran telah ditambah iaitu Tafsir, Hadith, Imla', Mutalaah, Khat dan Pidato. Semua mata pelajaran ini dikategorikan sebagai mata pelajaran khusus. Sukatan mata pelajaran khusus ini dilaksanakan mengikut sukanan pelajaran peringkat menengah di al-Azhar.<sup>67</sup>

Selain daripada mata pelajaran yang telah disebutkan tadi, Madrasah ini juga merasakan adalah wajar mata pelajaran lain yang diajar di sekolah-sekolah kerajaan turut dipelajari di sini. Sehubungan dengan itu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Geografi dan Sejarah juga turut dipelajari.

65 Temubual dengan Ustaz Muhammad bin Sulong, di rumahnya di Kampung Rhu Dua, pada 25hb Ogos, 1989.

66 Temubual dengan Haji Abdul Hadi Haji Awang, Op. C1.

oleh pelajar-pelajar di Madrasah ini. Mata pelajaran ini dikategorikan sebagai mata pelajaran umum.<sup>67</sup>

Ringkaunya, Madrasah Dar al-Quran bukan sahaja menitikberatkan mata pelajaran khusus tetapi dalam masa yang sama tidak mengesepikan mata pelajaran umum.

#### v. Sistem Pembelajaran

Madrasah Dar al-Quran memulakan pengajunnya pada awal Januari setiap tahun. Bagi pelajar lama mereka akan terus memulakan pelajaran pada hari pertama atau kedua, manakala bagi pelajar baru agak lewat sedikit taliu pada minggu kedua pengajian. Di sini mereka akan belajar selama tujuh tahun taliu lima tahun peringkat persediaan ( الصف السادس ) dan empat tahun peringkat menengah ( الصف الرابع ).<sup>68</sup>

Sepanjang tempoh tujuh tahun di sini, para pelajar diwajibkan mengikuti dua sesi pengajian taliu sesi pagi dan sesi petang. Pengajian sesi pagi bermula pada pukul 8.00 pagi hingga pukul 12.30 tengahari, manakala sesi petang pula bermula pada pukul 2.30 hingga 3.45 petang. Pada hari khamis, dari pukul 2.30 hingga pukul 3.30 petang diadakan kelas bimbingan syaraham untuk semua pelajar.<sup>69</sup>

<sup>67</sup> Temubual Jengan Mak Su, Op. Cit.

<sup>68</sup> Ibid

<sup>69</sup> Ibid

Sebagaimana yang telah penulis jelaskan sebelum ini, bahawa pelajar di sini mempelajari mata pelajaran khusus dan umum. Bagi setengah mata pelajaran khusus, mereka dikhendaki menghafaz dan mengingatinya. Ini adalah kerana peperiksaan yang akan mereka hadapi bukan sahaja secara berulang tetapi juga berbentuk oral. Kedua-dua jenis peperiksaan ini perlu dibuat untuk menilai sejauhmana penerimaan para pelajar terhadap pelajaran yang diajar kepada mereka.

Menyentuh tentang peperiksaan ini, Madrasah tidak mengambil soalan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia kerana sukanan pelajaran mereka tidak sama. Peperiksaan diadakan sekali setahun pada setiap penggal akhir pengajaran. Walaupun begitu peperiksaan bulanan turut diadakan oleh sebahagian tenaga pengajar di sini. Kelayakan untuk meneruskan pengajaran di tahun berikutnya dinilai melalui peperiksaan akhir tahun. Bagi pelajar yang gagal, mereka akan diberi peluang sekali lagi untuk mengulang dan sekuranya masih gagal mereka terpaksa diberhentikan.

Berkenaan dengan cuti pula, Madrasah ini berbeza dengan sekolah-sekolah kerajaan yang lain kerana ia berpandukan kepada bulan Hijrah. Umumnya Madrasah ini mempunyai tiga kali cuti penggal. Cuti penggal pertama berlangsung pada bulan Ramadhan sehingga tujuh Syawal, kemudian mereka akan bercuti pula untuk penggal kedua selama seminggu pada Hari Raya Haji dan seterusnya untuk penggal ketiga masa cuti mereka sama seperti sekolah-sekolah

kerajaan yang lat. 70 Selain daripada itu, mereka juga bercuti pada hari-hari kebesaran Islam seperti awal Muharram, Maulud Nabi dan sebagainya 71

## vi. Kewangan Madrasah Dar al-Quran

Berhubung dengan kewangan Madrasah ini, tanya didapati melalui surat pengajian dari para pelajar sendiri dan juga dari sumbangan derma orang ramai. Sumbangan dan derma itu bukan sahaja berbenih wang tetapi juga berbenih kebendaan. Semuanya ini dapat membantu melaksanakan lagi perjalanan pengajian di Madrasah ini.

## vii. Kejayaan Madrasah Dar al-Quran

Pembubuhan Madrasah Dar al-Quran ini masih baru, dan setakat ini belum lagi mengeluarkan kader-kader dakwah yang diharapkan. Tahap pengajian para yang tertinggi sekali baru memasuki peringkat thanawi tahun kedua pada tahun 1989. Walaupun begitu sudah ada kecermatan yang ditonjolkan oleh sebilangan para pelajar. Antara mereka sudah ada yang dapat menghafaz sebanyak 40 buah hadith, sudah pandai bersyarah, berkhatibah dan dapat mengendalikan usrah di tempat mereka, walaupun mereka baru memasuki peringkat peralihan tahun kedua 72

70 Temu bual dengan Haji Abdul Hadi Haji Awang, Op. CL.

71 Temu bual dengan Shahrol Abidin Syah, salah seorang pelajar Madrasah Dar al-Quran, pada 25hb Jun, 1989.

72 Temu bual dengan Haji Abdul Hadi Haji Awang, Op. CL.

Menurul pengurus madrasah ini, sudah ada tawaran daripada luar negeri terutamanya negeri-negeri di Timur Tengah yang menawarkan peluang untuk melanjutkan pelajaran di negeri mereka. Triapti, untuk setakat ini, Madrasah Dar al-Quran merasakan belum sampai masaanya untuk menerima tawaran tersebut memandangkan belum ada lagi pelajar yang menamatkan pengajian mereka.<sup>73</sup>

Meskipun penubuhan madrasah ini masih baru dan dalam tahap perkembangan, namun sambutan dari orang ramai begitu mengejutkan. Walaupun begitu masih banyak lagi kelemahan yang perlu diperbaiki. Dukungan dan sumbangan orang ramai amat perlu bagi menyamini masa depan madrasah agar segala apa yang dirancangkan dan diharapkan akan mencapai kejayaan sepenuhnya.

### 3. Lain-lain kegiatan

Selain daripada kegiatan kegiatan yang telah penulis sebutkan sebelum ini, berbagai lagi kegiatan lain yang dijalankan di masjid ini seperti iftitah, ceramah, seminari dan sebagainya.

Mengenai iftitah, Masjid Rusla buat pertama kaliya telah mengadakan satu iftitah yang bertaraf antarabangsa, yang dinamakan iftitah Perpaduan Ummah pada 9 - 10 hb September 1988. Selama tempoh tersebut, masjid ini menjadi tumpuan dan pusat perjumpaan pemimpin-jemaah Islam tempatan dan

berata dunia. Antara tokoh-tokoh politik dan pegawai-pegawai kerajaan yang dijemput ialah Menteri Dalam Terengganu, MEMASA dan UMNO 40. Semua itu para jemputan luar negeri pula terdiri dari wakil-wakil negeri Turki, Afghanistan, Singapura, Iran, Indonesia, Pakistan, Mesir dan beberapa negara lagi. Ustaz yang julung-julung kali didekati ini telah membuka ruang kepada pemimpin-pemimpin Jamaah Islam untuk sama-sama berbincang mengenai apa saja yang berhubung dengan Islam dari hari ke hari.<sup>74</sup>

Mengenai ceramah pula, biasanya ia diadakan bersamaan dengan kedatangan hari-hari kertesaran Islam seperti Awal Muharram, Nurul al-Qur'an, Maulud Nabi, Isra' Mikraj, dua hari raya ataupun dalam program lalu yang dirancang. Selain dari itu, ceramah juga turut didekati bila ada tetamu dari luar negeri yang datang ke Terengganu khususnya atau Malaysia umumnya, lalu pihak masjid mengundang mereka untuk memberikan ceramah di masjid ini.<sup>75</sup>

Begitu juga dengan seminar, ia semula diadakan di Masjid ini. Contohnya dalam urusan urusan perekonomian dalam Islam seperti hal-hal pengurusan zakat dan sebagainya. Pada 23hb Ogos, 1949 baru baru itu Masjid Kuala telah mengadakan satu seminar berkongsi dengan pertanggungjawab pengurusan zakat. Seminar ini dianjurkan oleh Dewan Pemuda PAS Negeri Terengganu.<sup>76</sup>

<sup>74</sup> Ibid

<sup>75</sup> Ibid

<sup>76</sup> Ibid

Apa yang dapat diambil dari masjid Rusilla? Masjid Rusilla menjadi menjadi simbol orang ramai, baik sebagai tempat ibadat dan sebagainya. Oleh itu bagi orang yang mengatakan Masjid Rusilla sebagai tempat kegiatan politik dan ibadat tidak diaggap salah oleh orang yang memahami tentang fungsi masjid yang sebenar dalam Islam.

## MASALAH KEENAM

### **Makalman sambutan dan pandangan masyarakat terhadap Masjid Rusilla**

**Masjid Rusilla bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadat, tetapi dalam masa yang sama ia berperanan sebagai tempat pengajian agama dan adalah tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa ia merupakan masjid yang paling aktif di Negeri Terengganu berbanding dengan masjid-masjid yang lain. Tetapi oleh kerana masjid ini tidak diadiburkan oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam Terengganu seperti mana masjid-masjid yang lain, maka berbagai tanggapan pro dan kontra telah dibuat oleh orang-orang terhadap masjid ini.**

Ada di antara mereka yang mengakui masjid ini sebagai salah satu tempat pengajian agama dan tidak kurang pula yang menganggapnya sebagai sebuah masjid politik. Pandangan seumpama ini tidak sahaja datang dari kalangan masyarakat negeri Terengganu, bahkan juga dari masyarakat luar.

Dagi memudahkan perbincangan, telah dibahagikan pandangan dan sambutan masyarakat terhadap masjid ini kepada dua bahagian:

I. Masyarakat tempatan

II. Masyarakat luar

I. Masyarakat tempatan

Dimaksudkan dengan masyarakat tempatan di sini ialah masyarakat yang tinggal berhampiran dengan Masjid Rusila itu sendiri khususnya dan masyarakat daerah lain di Negeri Terengganu amnya.

Umumnya pandangan masyarakat Negeri Terengganu terhadap Masjid Rusila ini bolehlah dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan yang mengakui masjid ini sebagai pusat pengajian agama dan golongan yang menganggapnya sebagai sebuah masjid politik. Meskipun terdapat percanggahan ini, namun pada keseluruhannya sambutan yang diberikan oleh masyarakat terhadap aktiviti-kegiatan masjid pada hari ini begitu menggalakkan. Mereka yang datang ke sini tidak sahaja terdiri dari kalangan orang-orang kampung, bahkan juga dari golongan orang-orang yang terpelajar, orang-orang berpangkat yang terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan, ketua-ketua jabatan, juga peniaga-peniaga, wartawan dan lain-lain lagi.<sup>77</sup>

Antara ahli jemaah yang hadir ini, ada di antara mereka yang merakamkan pengajian yang dijalankan di masjid ini, dan kentudian menerbitkannya samada dalam bentuk buku atau kaset. Contohnya seperti buku 'Dari Minbar Masjid Rusila' iaitu himpunan khutbah Jumaat dan Hari

Raya di masjid ini. Langkah cepetan ini adalah penting bukannya hanya untuk memberi gambaran yang sebenar kepada masyarakat umum tentang isi pengajian yang disampaikan di sini, dan dalam masa yang sama dapat mengetahui penyampainya iaitu Ustaz Haji Abdul Hadi dengan lebih dekat lagi.

Seorang pengarang telah membuat liputan berkenaan dengan sambutan masyarakat terhadap pengajian di Masjid Rusila ini. Orang yang pertama ditemubual ialah Tok Haji Osman dari Hulu Terengganu, berusia 60 tahun. Tok Haji Osman mengatakan bahawa beliau ke Masjid Rusila adalah untuk melanjutkan pengajian yang telah beliau ikuti sejak Tuan Guru Haji Awang lagi. Beliau datang ke sini bersama keluarga.<sup>78</sup>

Seorang lagi yang ditemubual oleh pengarang ini, dikenali dengan nama Pak Cik Lah, juga dari Hulu Terengganu. Beliau merupakan seorang yang berpengaruh di tempatnya samada dari segi ilmu maupun kekayaan. Ke datangan beliau ke masjid ini pada mulanya adalah atas dasar semata mata untuk menjaga pengaruh kerana penduduk kampungnya boleh dikatakan ramai yang mengikuti pengajian di sini pada setiap minggu. Bermula dari niat yang tidak tuntas ini, akhirnya Pak Cik Lah terpikat dan terus mengikuti pengajian di Masjid Rusila ini.<sup>79</sup>

Bagi pihak yang tidak senang melihat perkembangan Masjid Rusila ini pula, berbagai langkah telah diambil, terutamanya terhadap ahli jemaah

<sup>78</sup> Jamburi Badruzzaman, Hamba Allah Pemimpin Ummah, cet. 1, Pustaka Bunda, Kuala Lumpur, 1984, hal. 127.

<sup>79</sup> Ibid

masjid ini sendiri. Sebagaimananya, terdapat rasa amanah di antara ahli jemaah yang terdiri dari kalangan pegawai-pejawat tinggi kerajaan dan ketua-ketua jabatan yang dipanggil dan dimarahi oleh pihak atasannya 80. Ikoran dari itu, terdapat ramai di antara mereka yang berhenti kerja kerana tidak tahan dengan tekanan-tekanan tersebut dan tidak kurang pula mereka yang diturunkan kerja ke tempat lain termasuklah ke kawasan pendalamam.

Biar pun begitu, usaha-usaha ini tidak pula berhasil untuk membendung atau menggerunkan pegawai tinggi kerajaan yang lain dalam negeri ini untuk terus menjadi ahli jemaah masjid ini. Sebagai langkah berjaya juga, berbagai inisiatif telah diambil, contohnya dengan menggunakan kendaraan orang lain untuk datang ke sini bagi mengelakkan diri dari dikesan.

Perhatian pihak berkuasa terhadap ahli jemaah masjid ini tidak sahaja kepada orang-orang kanan dalam pentadbiran negeri, malah juga orang-orang kampung. Cuma tindakan yang diambil adalah berbeza, sesuai dengan kedudukan mereka dalam masyarakat.

## II. Masyarakat Luar

Dinaksudkan dengan masyarakat luar di sini telah masyarakat luar Terengganu khasnya dan Malaysia amnya. Sekalipun jumlah ribuan ahli jemaah masjid yang hadir pada hari pengajian agama terutamanya pada hari Jumaat kebanyakannya datang dari masyarakat negeri Terengganu sendiri.

tetapi dalam masa yang sama tidak pada sahaja dapat dimaklumkan akan kehadiran masyarakat dari luar. Meskipun bilangan mereka tidak setamat ahli jemaah yang datang dari anak tempatan,namun kesungguhan mereka untuk sertai-sama mengikuti pengajian di masjid ini merupakan suatu hal yang mengagumkan. Dari luar negeri Terengganu, mereka yang datang salah dari Kelantan,Pahang,Selangor,Negeri Sembilan dan lain-lain lagi. Menurut Pengurus Masjid, lazimnya mereka ini datang pada hujung minggu ataupun pada hari-hari cuti.<sup>81</sup>

Bagi mereka yang tidak mengikuti pengajian di masjid ini secara langsung terutamanya mereka yang tinggal berjauhan, mereka mengikuti pengajian ini melalui kaset-kaset yang ada di pasaran di seluruh negara Kaset-kaset ini bukanlah dirakamkan oleh pihak masjid tetapi ia adalah atas inisiatif para jemaah yang hadir itu sendiri.<sup>82</sup>

Mereka yang mengikuti pengajian dari Masjid Rusila melalui cara ini bukan sahaja terdiri dari mereka yang berminat bahkan juga sebaliknya. Menurut Pengurus Masjid ini, pernah terjadi dalam satu mesyuarat Hul Ehwal Agama Islam yang diadakan di Kuala Lumpur, yang dipengerusikan oleh seorang bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, di mana beliau berkata,<sup>83</sup>

<sup>81</sup> Ibid

<sup>82</sup> Jamiluri Badiuzzaman, Op. Cil., hal. 59.

<sup>83</sup> Temubual dengan Haji Abdul Hadi Haji Awang, Op. Cil.

"Apa yang disampaikan itu tidak berbangga dengan Islam tetapi boleh dihakimkan menentang kerajaan."

Ekoran dari bilangan ahli jemaah Masjid Rusila yang ramai ini juga telah menimbulkan berbagai pendapat dari kalangan orang ramai seluruh negara. Seorang buruh dari Mentakab, Pahang iaitu Encik Ibrahim Dollah berkata,<sup>84</sup>

"Yang menghalarkan saya ialah mengapa masjid itu dilihat seolah-olah lebih istimewa dari masjid-masjid di tempat lain sehingga orang ramai meninggalkan masjid di mukum mereka."

Sementara Wan Jusoh Wan Yahya dari Kota Bharu, Kelantan pula berkata,<sup>85</sup>

"Kerajaan perlu mengawasi perkembangan yang berlaku di Masjid Rusila agar ia tidak dijadikan tempat permatihan politik yang memecahbelahkan perpaduan."

Tunbalan Menteri atau sekarang Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Datuk Dr.Yusof Noor pula mengulas,<sup>86</sup>

"Masjid Rusila tidak boleh dianggap suci oleh golongan tertentu kerana anggapan itu adalah 'bidaah'. Golongan itu berhak mengunjungi tempat itu tetapi janganlah menganggap sembahyang di masjid lain tidak sah."

<sup>84</sup> Utusan Malaysia, Selasa 28hb Januari, 1986, hal. 1.

<sup>85</sup> Ibid, hal. 6.

<sup>86</sup> Ibid, hal. 2.

Daripada maklumat-maklumat di atas tadi memperhatikan kepada kita, anggapan orang ramai yang lebih cenderung untuk mengatakan Masjid Rusila ini khusus untuk orang-orang PAS sahaja. Jadi untuk menangkis dakwaan yang salah ini, Yang Di Pertua Agung PAS pada masa itu, Haji Yusof Irawa telah menjelaskan dengan panjang lebar bahawa<sup>87</sup>

"Masjid Rusila Terengganu tidak pernah digunakan sebagai markas Parti PAS untuk menghasut penyokong-penyokong PAS menentang kerajaan. Rusila merupakan sebuah masjid yang digunakan untuk mengajar ilmu mengenai Islam dan ia bukan merupakan markas politik PAS seperti yang dianggap oleh orang ramai. Memang benar Naib Yang Di Pertua Agung PAS, Haji Abdul Hadi Haji Awang memberikan khutbah Jumaat di masjid tersebut, tetapi ia bukan untuk menghasut penyokong-penyokong PAS supaya marah dan bencikan kerajaan. Masjid Rusila adalah terbuka kepada mereka yang beragama Islam tanpa mengira samada mereka menyokong PAS atau parti-parti lain."

Selain daripada itu, Ketua Pemuda PAS ketika itu, Haji Mustaffa Ali turut memberi penjelasan bagi menghilangkan kekeliruan orang ramai tentang masjid ini dengan menegaskan bahawa<sup>88</sup>

"Masjid Rusila di Terengganu seperti masjid-masjid yang lain di negara ini yang berfungsi sebagai tempat ibadat"

<sup>87</sup> Utusan Malaysia, Rabu, 29hb Januari 1986, hal. 1.

<sup>88</sup> Utusan Melayu, Rabu, 19hb Februari 1986, hal. 7.

Dari pada penjelasan kedua-dua tokoh tadi adalah diharapkan dapat menghilangkan keraguan dan salah anggapan orang ramai selama ini terhadap Masjid Rusila.

Walau bagaimanapun anggapan dan fitnah yang dilemparkan terhadap masjid ini dan pengurusnya sendiri yang tersirat di akhbar-akhbar seperti menuduh Ustaz Haji Abdul Hadi menggunakan duit masjid untuk kepentingan peribadi, mandi dalam kolah dan mengajar ajaran sesal,<sup>89</sup> turut memainkan peranan yang penting dalam memperkenalkan masjid kepada umum. Sekalipun berita-berita yang disiarkan ~~itu~~ mempunyai maksud yang tidak baik tetapi dalam masa yang sama ada juga baiknya, di mana berita-berita seumpama ini secara tidak langsung telah mentimbulkan tanda tanya kepada para pembaca dan seterusnya mendorong mereka untuk datang sendiri ke Masjid Rusila ini untuk mendapatkan maklumat yang sebenar mengenainya.

Mengenai masyarakat luar Malaysia pula, sambutan yang diberi bukan sahaja datangnya dari kalangan orang-orang Islam bahkan juga dari kalangan orang-orang bukan Islam. Kebiasuannya orang-orang bukan Islam ini adalah terdiri dari para wartawan samada wartawan akhbar, televisyen maupun majalah. Mereka ini datang dari berbagai negara seperti Singapura, Perancis, Australia, Amerika Syarikat, England dan Itali. Tujuan kedatangan mereka ialah untuk membuat liputan berita mengenai masjid ini.<sup>90</sup>

<sup>89</sup> Temubual dengan Haji Abdul Hadi Haji Awang. Op. Cit.

<sup>90</sup> Ibid

Selain daripada itu, tidak kurang juga diantara mereka yang datang ke sini dengan tujuan untuk berhujah mengenai Islam. Dan hasil daripada perbahasan seumpama ini seorang wartawan wanita, berbangsa Itali, bernama Victoria telah memeluk agama Islam. Sebelum ini, di samping sebagai wartawan beliau juga merupakan seorang orientalis yang pantai berbahasa Arab, dan beliau mengkaji ilmu-ilmu Islam seperti Tasawwuf.<sup>91</sup>

Tidak dapat dinasikkan bahawa, salah satu faktor yang menarik minat masyarakat untuk mengunjungi Masjid Rusila adalah kerana ketokohan pengaruhnya sendiri iaitu Ustaz Haji Abdul Hadi Haji Awang. Di samping kebolehan beliau dalam memberikan ceramah, keperibadian beliau sendiri amat dikagumi. Beliau seorang yang cukup sederhana dalam kehidupannya. Apa yang beliau lakukan adalah semata-mata untuk menegakkan yang hak bukannya kerana kepentingan peribadi.

---

<sup>91</sup> Ibid